SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2023 Bahasa Melayu Sem 1 Terengganu

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

STPM 2023

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SEMESTER 1

BAHASA MELAYU

910/1

Nama :.....

Kelas :.....

DIBIAYAI OLEH KERAJAAN NEGERI TERENGGANU


Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam kertas soalan ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

ANJAKAN MUAFAKAT NEKAD

Bahagian A [20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1



Pernyataan manakah betul tentang *X* ?

A terdiri daripada bahasa Polinesia dan Austroasia
B terdiri daripada bahasa Melanesia dan Tibet-Cina
C terdiri daripada bahasa Austroasia dan Austronesia
D terdiri daripada bahasa Mikronesia dan Austronesia

2 Batu bersurat yang berikut ditulis menggunakan tulisan dari India Selatan, **kecuali**

A Batu bersurat di Karang Brahi, Jambi
B Batu bersurat di Gandasuli, Jawa Tengah
C Batu bersurat di Talang Tuwo, Palembang
D Batu bersurat di kota Kapur, Pulau Bangka

3 Yang manakah padanan yang betul bagi perkataan bahasa Melayu kuno dengan bahasa Melayu moden?

	Bahasa Melayu Kuno	*Bahasa Melayu Moden*
A	tuwa	tua
B	tuha	tuhan
C	manglari	berlari
D	nisumpah	disumpah

4 Penyelesaian bagi membezakan perkataan berhomograf dalam tulisan Jawi adalah dengan cara

A meletakkan tanda baris pada perkataan
B meletakkan huruf vokal pada suku kata pertama
C meletakkan huruf vokal pada suku kata pertama dan suku kata kedua
D meletakkan huruf vokal pada suku kata pertama dan suku kata kedua, serta meletakkan tanda baris

8 Padanan kumpulan imbuhan pinjaman yang manakah yang betul mengikut sumber?

	Sanskrit	*Arab*	*Inggeris*
I	Awalan eka-	Awalan tata-	Awalan anti-
II	Awalan swa-	Akhiran -wi	Awalan pro-
III	Akhiran -man	Akhiran -at	Awalan sub-
IV	Akhiran -wan	Awalan maha-	Akhiran -ah

A I dan II
B II dan III
C I dan IV
D III dan IV

9

- Unit bahasa terkecil.
- Ditandai dengan tanda kurungan / /
- Dapat membezakan makna perkataan

Pernyataan di atas ialah

A huruf
B fonem
C alofon
D fonologi

10 Pasangan perkataan yang manakah yang merupakan pasangan minimal?

A kasut – kusut , sabut – kabut
B badam – padam, saku – paku
C tonton – tuntun , buka – buku
D barang – parang , kebun – rabun

Bahagian B *[*30 *markah]*

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Sejak belakangan ini, banyak kisah menakutkan tular di media sosial berhubung dengan kes penculikan kanak-kanak. Sejauh manakah kes penculikan itu benar-benar berlaku sememangnya sukar dipastikan. Hal ini dikatakan demikian kerana ada juga segelintir pihak yang cuba menularkan berita palsu dengan menyebarkan kenyataan media lama pihak berkuasa atau sengaja mewujudkan ketakutan dalam kalangan masyarakat. Apa-apa pun alasannya, hal ini bukanlah bermaksud tidak ada kes culik di negara ini.

Tidak dinafikan bahawa apabila berlaku kes kehilangan kanak-kanak, ibu bapa dan keluarga pastinya akan terjejas dari pelbagai aspek umpamanya trauma. Di luar negara, menurut statistik *The Federal Bureau of Investigation* (FBI), terdapat sebanyak 29758 rekod orang yang hilang aktif melibatkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Hal ini merupakan angka yang amat menakutkan. Bukan itu sahaja, seluruh komuniti juga akan berada dalam ketakutan. Kes orang hilang tidak mengenal mangsa dan tempat. Di mana-mana sahaja kes kanak-kanak hilang boleh berlaku. Sudah tentu kita tidak dapat menjangka atau meramal sebarang bentuk jenayah. Walau bagaimanapun, sebagai ibu bapa atau penjaga, mencegah anak hilang atau menjadi mangsa penculikan daripada berlaku merupakan tanggungjawab utama kita.

Ibu bapa perlu mengajar anak mereka peraturan semak dahulu. Peraturan ini hendaklah sentiasa menjadi sebahagian **gelembung keselamatan** kanak-kanak. Tidak kira sama ada mereka mengenali orang itu atau tidak, anak-anak harus sentiasa mengelak daripada sebarang undangan atau godaan orang tidak dikenali. Ibu bapa juga perlu membuka mata dan telinga ketika bersama anak-anak. Jangan biarkan diri terganggu apabila keluar membeli-belah dengan anak-anak. Anak-anak mudah hilang di balik rak dan paparan lorong iklan. Ibu bapa juga harus peka untuk sentiasa menyedari sesiapa sahaja yang mungkin mengambil berat terhadap anak-anak mereka. Anak-anak perlu diajar cara bertindak balas terhadap cubaan penculikan. Apabila seseorang cuba membawa anak anda ke sesuatu tempat secara paksa, kanak-kanak perlu tahu cara bertindak balas. Ajar anak-anak untuk menjerit ketika berhadapan dengan keadaan cemas. Anak-anak juga perlu didedahkan untuk mengenal pasti orang dewasa yang boleh dipercayai. Jika mereka tersesat atau ada individu yang memujuk mereka, mereka harus tahu cara untuk berhubung dengan orang dewasa yang boleh dipercayai. Di pasar raya misalnya, mereka harus mencari pekerja dengan tanda nama atau pengawal keselamatan.

Sebagai orang dewasa, kita mempunyai tanggungjawab yang besar untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa culik. Dalam **zaman tanpa sempadan** yang mustahil untuk pisahkan kanak-kanak daripada dunia teknologi maklumat dan komunikasi, peranan ibu bapa dan penjaga semakin mencabar. Kes penculikan kanak-kanak memang berlaku di negara kita, malah di seluruh dunia. Semua pihak perlu mengambil iktibar dan berjaga-jaga agar jenayah ini tidak menimpa anak-anak kita.

(Dipetik dan disesuaikan daripada Buletin Jendela DBP)

*Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

21 Berdasarkan petikan tersebut, berikan maksud frasa yang berikut:

(a) …gelembung keselamatan…(baris 22) [1]

(b) …zaman tanpa sempadan…(baris 35) [1]

22 Nyatakan kesan kehilangan kanak-kanak yang berlaku di negara kita. [2]

23 Nyatakan **empat** tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk mencegah kejadian jenayah penculikan kanak-kanak. [4]

24 Nyatakan **dua** mesej yang ingin disampaikan oleh penulis. [2]

25

> "Sebagai orang dewasa, kita mempunyai tangungjawab yang besar untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa culik."
>
> (baris 34 hingga 35)

Pada pendapat anda, apakah peranan pelbagai pihak selain ibu bapa untuk mengatasi masalah jenayah penculikan di negara ini? Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. [20]

Bahagian C [50 *markah*]

Tulis **sebuah** *karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.*

26 Kebelakangan ini, harga barang telah meningkat. Berikan pendapat anda tentang kesan kenaikan harga barang dan jelaskan langkah-langkah untuk menanganinya.

27 Pelajar lepasan sekolah yang tidak berminat untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi telah menarik perhatian pelbagai pihak. Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini berlaku?

28 Semakin banyak ilmu mengenai seni dan budaya tradisional Melayu yang pupus kerana kurangnya minat generasi muda untuk mempelajari dan mewarisi ilmu tersebut. Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk memastikan perkara tersebut terus diwarisi oleh generasi muda?

PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM SEMESTER 1 2023

BAHASA MELAYU 910/1

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

NO SOALAN	JAWAPAN	NO SOALAN	JAWAPAN
1	**C**	11	**A**
2	**B**	12	**D**
3	**D**	13	**D**
4	**C**	14	**D**
5	**A**	15	**C**
6	**D**	16	**C**
7	**B**	17	**B**
8	**B**	18	**B**
9	**B**	19	**D**
10		20	**C**

BAHAGIAN B

21 Berdasarkan petikan tersebut, berikan maksud frasa yang berikut:

(a) …gelembung keselamatan…

- Dasar/peraturan/garis panduan, perlindungan/kesejahteraan/keamanan [1]

(b) …zaman tanpa sempadan…

- Alaf/era/masa tanpa had/batasan/sekatan [1]

22 Nyatakan kesan kehilangan kanak-kanak yang berlaku di negara kita.

- Ibu bapa dan keluarga pastinya akan terjejas dari pelbagai aspek [1]
- Seluruh komuniti akan berada dalam ketakutan [1]

23 Nyatakan empat tanggungjawab yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk mencegah kejadian jenayah penculikan kanak-kanak.

- Ibu bapa mengajar anak mereka peraturan semak dahulu [1]
- Ibu bapa perlu membuka mata dan telinga ketika bersama anak-anak [1]
- Anak-anak perlu diajar cara bertindak balas terhadap cubaan penculikan [1]
- Anak-anak didedahkan untuk mengenal pasti orang dewasa yang boleh dipercayai [1]

24 Nyatakan dua mesej yang ingin disampaikan oleh penulis.

- Semua pihak perlulah mengambil iktibar [1]
- Berjaga-jaga agar jenayah ini tidak menimpa anak-anak kita [1]

25

> "Sebagai orang dewasa, kita mempunyai tanggunjawab yang besar untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa culik."

Pada pendapat anda apakah peranan pelbagai pihak selain ibu bapa untuk mengatasi masalah jenayah penculikan di negara ini? Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan.

Catatan: Jawapan perlu ada siapa?(pihak mana) dan apa? (peranannya)

IS1 Isi utama: Pihak sekolah mengajar kanak-kanak seni mempertahankan diri [2]
Huraian isi : Kanak-kanak boleh mempertahankan diri ketika berdepan masalah getir[1]
Contoh : Belajar silat atau taekwando[1]
Huraian contoh :Membentuk anak-anak berdisiplin dan bersiap siaga[1]

IS2 Isi Utama: Media massa berperanan dalam menyedarkan masyarakat tentang keselamatan anak-anak [2]

Huraian isi: Menyiarkan rancangan berkaitan keselamatan anak-anak[1]

Contoh: Rancangan 999, iklan keselamatan, rencana dll[1]

Huraian contoh: Masyarakat akan sedar dan lebih berhati-hati[1]

IS3 Isi utama: Kerajaan menggalakkan ibu bapa memakai alat penjejak kepada kanak-kanak[2]
Huraian isi: Mengambil kesempatan atas kecanggihan teknologi[1]

Contoh: Jam tangan, gelang atau rantai[1]

Huraian contoh: Mengesan keberadaan anak-anak[1]

IS4 Isi utama: Pihak sekolah memperkasakan pengawal keselamatan[2]

Huraian isi: Mengawal pelajar keluar masuk di pintu utama sekolah[1]

Contoh: Memastikan ibu bapa yang betul menjemput anak-anak[1]

Huraian contoh: Anak-anak tidak mudah diculik[1]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar